★

**MODUL PINTAS 2024**
**TINGKATAN 5**

**1223/1**

**PENDIDIKAN ISLAM**
**Kertas 1**

2 jam 30 minit

**Dua jam tiga puluh minit**

# PERATURAN PEMARKAHAN PENDIDIKAN ISLAM K1 1223/1

**Join SPM Study Group**
**https://spmpaper.me/group**

<table>
<tr><th colspan="3">No</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud perkataan bergaris.<br>لِتَعَارَفُوٓاْ - Supaya kamu saling berkenalan<br>أَتۡقَىٰكُمۡ - Orang yang paling bertakwa dalam kalangan kamu</td><td>2 isi<br>x1m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua keutamaan taqwa dalam Islam.<br>- Manusia adalah sama di sisi Allah SAW<br>- Allah SWT tidak melihat jantina atau bangsa tetapi Allah SWT memandang hati dan amalan hamba-Nya.<br>- Meyakini kekuasaan Allah SWT melalui makhluk ciptaan-Nya sebagai asas keimanan kepada Allah SWT/<br>- Menunaikan hak sesama manusia walaupun berbeza kaum dan budaya.</td><td>2 isi<br>x2m=4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td><table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
Cadangan isi<br>- Dapat menjalinkan perpaduan dan perhubungan yang harmoni<br>- Menjalinkan hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam<br>- Menggalakkan interaksi dan kerjasama yang akan saling melengkapi antara satu sama lain.<br>- Dapat mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia tanpa mengira rupa paras dan etnik<br>- Dapat mengenali pelbagai budaya<br>- Dapat mempelajari pelbagai bahasa<br>- Dapat mengetahui adab dan nilai sesuatu bangsa<br>- Saling berkongsi resepi masakan tradisional</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud berdikari<br>Berusaha sendiri / dan tidak bergantung pada bantuan orang lain.</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kelebihan berdikari<br>- Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT seperti kekuatan tubuh badan dan kecerdikan akal untuk perkara yang bermanfaat.<br>- Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain demi memelihara maruah dan kemuliaan diri.<br>- Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan sesuatu tugasan.</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>- Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan negara.<br>- Berusaha bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi<br>- Menggunakan potensi diri untuk mencari pendapatan sampingan bagi menampung perbelanjaan di universiti<br>- Membebaskan diri daripada bergantung kepada orang lain/ tidak mengharapkan bantuan orang lain<br>- Berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kualiti diri dengan meninggalkan sikap meminta-minta<br>- Sentiasa yakin dengan kemampuan diri untuk membahagikan masa belajar dan bekerja sampingan</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Dua jenis wakaf :<br>- Wakaf Tam<br>- Wakaf Kafi<br>- Wakaf Hasan<br>- Wakaf Qabih</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud nama Allah SWT al-Muntaqim<br>Nama Allah SWT yang menunjukkan Allah Maha Pembalas / dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Kefahaman nama Allah SWT al-Muntaqim<br>- Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran<br>- Allah SWT menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan, kaum Quraisy ditimpakan azab kemarau yang panjang sehingga debu seperti asap menutupi mereka kerana menolak dakwah Rasulullah SAW<br>- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap orang yang menentang agamaNya setelah diutuskan rasul dan diberikan keterangan yang jelas</td><td>1 isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Kesan beriman dengan nama Allah SWT al Muntaqim:<br>- Menghindari perbuatan maksiat / kerana takutkan azab Allah SWT</td><td>1 isi x 2m = 2m<br>Isi = 1m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT / agar selamat daripada seksaan neraka<br>- Meningkatkan ibadah kepada Allah SWT / agar terpelihara daripada dosa | Huraian = 1m |
| | | (iv) | **KBAT**<br><br>**Deskriptor** — **Skor**<br>Menyatakan satu isi sahaja — 1 markah<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas — 1 markah<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan — 1 markah<br>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap — 1 markah<br><br>**Cadangan isi**<br>- Sentiasa melakukan kebaikan kerana takut dgn balasan Allah SWT<br>- Sentiasa berhati-hati dalam bertindak agar tidak mendapat balasan buruk<br>- Takut melakukan kemungkaran kerana yakin balasan azab Allah SWT | 4m |
| | (b) | (i) | Sejarah aliran Khawarij<br>Kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib RA yang berpaling tadah / kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Tahkim | 2m |
| | | (ii) | Prinsip aliran Khawarij<br>- Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak<br>- Mereka menyatakan Saidina Ali RA telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil<br>- Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (iii) | Perbezaan pandangan aliran Khawarij dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dalam isu pelaku dosa besar<br><br>**Ahli Sunnah Waljamaah**: Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat<br>**Khawarij**: Pelaku dosa besar dianggap kafir | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (iv) | **KBAT**<br><br>**Deskriptor** — **Skor**<br>Menyatakan satu isi sahaja — 1 markah | 4m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td><table><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi<br>- Berlaku perpecahan<br>- Negara huru-hara<br>- Imej umat Islam dipandang rendah</td><td></td></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Hukum idah :<br>Wajib</td><td>1 isi x 1m = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Tempoh idah bagi situasi isteri yang bercerai hidup:<br>- Telah putus haid : 3 bulan hijrah<br>- Sedang hamil : sehingga melahirkan anak</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua larangan yang wajib diikuti semasa tempoh idah:<br>- Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan<br>- Keluar dari rumah yang disediakan oleh suami kecuali atas keperluan<br>- Berhias diri kecuali wanita dalam talak raji</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud qisas ialah<br>Hukuman keseksaan yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara balasan yang sama / seperti dalam al-Quran dan al-Sunnah.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua jenis kesalahan di bawah hukuman qisas :<br>- Pembunuhan (serangan yang mengakibatkan kehilangan nyawa)<br>- Perbuatan yang membawa kepada kecederaan</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>- Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia<br>- Mendidik dan menghukum sebarang kesalahan dan maksiat<br>- Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian masyarakat</td><td>4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Tiga syarat penjual dan pembeli dalam muamalat Islam:<br>- Baligh<br>- Berakal<br>- Mampu memelihara dan mengurus harta</td><td>3 isi x 1m = 3m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
Cadangan isi :<br>- Memperbanyakkan kempen kesedaran<br>- Memperketatkan undang-undang jenayah siber<br>- Mempertingkatkan keselamatan siber negara<br>- Melindungi sistem komputer sendiri<br>- Dapatkan maklumat lebih sahih</td><td>4m</td></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniyah:<br>- Bursa<br>- Edirne<br>- Sogut<br>- Istanbul</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua sumbangan Sultan Murad I bin Urkhan:<br>- Membentuk pasukan Janissary<br>- Memodenkan angkatan tentera laut<br>- Menjadikan Edirne sebagai ibu negara</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh /sebab /dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Melahirkan semangat kerjasama dalam aktiviti kokurikulum<br>- Sentiasa bantu-membantu tanpa mengira agama<br>- Saling menghormati budaya kaum lain<br>- Sentiasa bertolak ansur / bertoleransi antara satu sama lain</td><td>4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Riwayat hidup Imam Malik:<br><table><tr><td>Nama penuh</td><td>Malik bin Anas al-Madani</td></tr><tr><td>Tarikh lahir</td><td>93 H di Madinah</td></tr><tr><td>Tarikh meninggal dunia</td><td>179 H</td></tr><tr><td>Kuniyah</td><td>Abu Abdullah</td></tr><tr><td>Keperibadian</td><td>- Mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana<br>- Menghormati dan mencintai ilmu dengan berpegang teguh pada prinsip “murid mencari guru”<br>- Memuliakan majlis pengajian hadis Rasulullah SAW dengan memakai pakaian bersih dan berbau wangi<br>- Sanggup berkorban harta demi menuntut ilmu</td></tr><tr><td>Antara guru yang tersohor</td><td>- Nafik al-Madani<br>- Muhammad bin Syihab al-Zuhri<br>- Yahya bin Said al-Ansari</td></tr></table></td><td>4 isi x 1m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua sumbangan Imam Malik:<br>- Menghasilkan kitab al-Muwatta’<br>- Mengasaskan mazhab berdasarkan amalan penduduk Madinah, Qias dan Masalih al-Mursalah<br>- Murid yang terkenal : Imam al-Syafie, Abdullah bin Abdul Hakam, Abdul Rahman bin Qasim<br>- Mazhab Maliki tersebar : di Mesir, Andalus, Tunisia, Afrika</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Bukti kesungguhan Imam Malik dalam menuntut ilmu:<br>- Sanggup berpanas terik dan menahan kesejukan demi menuntut ilmu</td><td>1isi x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud khauf ialah<br>Takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT / dengan menjauhi segala laranganNya.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hikmah khauf dan raja’:<br>- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT / dalam setiap keadaan<br>- Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh /dalam setiap pekerjaan<br>- Mendidik jiwa insan agar sentiasa menjauhi larangan Allah SWT / kerana takut akan kemurkaanNya<br>- Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan / supaya mendapat kemanisan iman</td><td>2 isi x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>- Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah SWT / setelah berusaha bersungguh-sungguh</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh /sebab /dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Melahirkan murid yang berakhlak mulia<br>- Melahirkan murid yang beriman dan bertaqwa<br>- Mendidik murid supaya mentaati perintah Allah SWT<br>- Melahirkan murid yang berdisiplin/ mematuhi peraturan sekolah</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud istiqamah ialah<br>Ketaatan yang berterusan / dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW dalam aspek berikut:<br>a) Ibadah<br>-Baginda tidak jemu memohon keampunan daripada Allah SWT walaupun baginda seorang yang maksum. Baginda beristighfar dan bertaubat kepada Allah SWT lebih daripada 70 kali setiap hari.<br><br>b) Dakwah<br>-Rasulullah SAW tetap berdakwah menyebarkan agama Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman.<br>-Baginda bertegas tidak akan meninggalkan usaha dakwah walaupun diganti dengan kesenangan dunia</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh /sebab /dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table></td><td>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Cadangan isi:**<br>- Berjaya dengan cemerlang<br>- Masa depan terjamin<br>- Mendisiplinkan diri | |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**